

# Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993: Satu Analisis

Prof. Dato' Dr. Mahmud Saedon Awang Othman

## Abstract

*The article analyses the Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 which was passed by the Kelantan legislative assembly. The enactment contains 72 sections and five schedules which cover Hudud, Qisas and Ta'zir. A number of sections are also devoted to court procedures, appointment of judges and sentences.*

## Muqaddimah

Umat Islam di Malaysia tanpa mengira fahaman politik mereka sememangnya menyedari bahawa Islam adalah agama mereka. Mereka dituntut menghayati ajaran Islam ini dan menjadikannya sebagai cara hidup. Dalam hubungan ini, kerajaan Malaysia telah mempertingkatkan tindakan dan usaha agar umat Islam Malaysia ini dapat hidup sebagai orang-orang Islam seperti yang dituntut oleh agama mereka. Kerajaan-kerajaan negeri juga tidak ketinggalan berusaha ke arah yang sama tanpa mengira fahaman politik parti yang memerintah. Sebagai salah satu siri tindakan dan usaha tersebut, kerajaan negeri Kelantan telah meluluskan satu Rang Undang-undang

Jenayah Syariah II terkenal dengan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993.

Rang Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kelantan ini mengandungi 72 Seksyen dan 5 jadual terdiri dari Permulaan 3 Seksyen, Bahagian I Kesalahan-kesalahan Hudud 20 Seksyen, Bahagian II Qisas 15 Seksyen. Bahagian III Keterangan 9 Seksyen, Bahagian IV Bagaimana Hukuman Dilaksanakan 8 Seksyen, Bahagian V Peruntukan Umum 7 Seksyen, Bahagian VI Mahkamah 10 Seksyen.

### **Kanun Jenayah Bersumberkan Syariah**

Rang Enakmen ini bolehlah dikatakan sebagai Kanun Jenayah Syariah kerana:

1. Ianya mencakupi undang-undang hudud, qisas dan ta'zir. Yang jelas ianya adalah berdasarkan hukum Syarak. Seksyen 3 menjelaskan: Semua kesalahan di bawah Enakmen ini adalah dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- a) Kesalahan-kesalahan yang mana hukumnya telah ditetapkan oleh al-Quran al-Karim dan Sunnah. Kesalahan-kesalahan itu dipanggil dengan nama kesalahan-kesalahan hudud dan hukumannya dinamakan hukuman hudud.
- b) Kesalahan-kesalahan yang tertakluk kepada qisas yang juga ditetapkan oleh al-Quran al-Karim dan Sunnah. Kesalahan-kesalahan itu dinamakan kesalahan-kesalahan qisas dan hukumannya dinamakan hukuman qisas dan
- c) Kesalahan-kesalahan yang lain daripada kesalahan-kesalahan hudud dan kesalahan-kesalahan qisas, tetapi hukumannya diserahkan kepada budi bicara badan perundangan atau mengikut Enakmen ini hukumannya diserahkan kepada budi bicara mahkamah. Kesalahan-kesalahan itu dinamakan kesalahan ta'zir dan hukumannya dinamakan hukuman ta'zir.

Dengan syarat bahawa apabila sesuatu kesalahan hudud atau qisas tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud atau hukuman qisas kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman-hukuman itu, maka kesalahan itu adalah menjadi suatu kesalahan ta'zir dan hendaklah ia dihukum demikian.

2. Enakmen ini juga telah menjadikan hukum syarak sebagai pemakaian dalam tafsirannya. Seksyen 62 menjelaskan:

62 (1) Semua kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini dan peruntukan-peruntukan mengenainya hendaklah ditafsirkan mengikut hukum Syarak dan duluan-duluan yang didapat dalam hukum itu; dan rujukan kepada hukum itu hendaklah dibuat mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dalam Enakmen ini.

(2) Jika timbul sebarang persoalan atau pertikaian dalam memberi erti sesuatu perkataan, perbahaasan atau rangkaian kata mengenai hukum Syarak. Mahkamah yang membicarakan kes itu hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membuat tafsiran kepada perkataan, perbahaasan atau rangkaian kata sedemikian itu.

Peruntukan di atas jelas telah menjadikan hukum Syarak sebagai rujukan terakhir, tafsiran-tafsiran mengenai kesalahan hendaklah ditafsirkan mengikut hukum Syarak dan tafsiran mengenai pertikaian dalam memberi erti sesuatu perkataan,

perbahasaan atau rangkai kata mengenai hukum Syarak dirujuk kepada hukum Syarak.

3. Seksyen 2(3) juga menegaskan peranan hukum Syarak sebagai rujukan dalam mentafsir perkataan dan perbahasaan walaupun Akta Tafsiran 1948 dan 1987 boleh diambil kira. Seksyen 2(3) menjelaskan:

Semua perkataan, perbahasaan, tafsiran dan rangkai kata yang digunakan dalam Enakmen ini tetapi tidak ditakrifkan di dalamnya, hendaklah disifatkan mempunyai makna yang diberi terhadapnya dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 jika tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Berdasarkan kehendak Seksyen 3, 62 dan 2(3) adalah jelas kanun jenayah ini adalah berdasarkan hukum Syarak dan rujukan terakhir dan muktamad adalah hukum Syarak. Dengan demikian ianya sesuai dinamakan sebagai Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah.

### **Penggunaan Ijtihad**

Sesuatu undang-undang itu akan menjadi beku, kaku dan ketinggalan zaman jika ianya tidak diamal dan dilaksanakan tetapi ianya akan hidup segar dan berkembang jika ianya diamal dan dilaksanakan sebagai contoh Undang-undang Keluarga Islam senantiasa berkembang dan ulama senantiasa menggunakan kepakaran atau "ijtihad" mereka untuk menyelesaikan setiap perkara yang timbul. Akhirnya sikap keterbukaan dan budaya ijtihad di bidang ini sudah memperlihatkan hasilnya.

Berdasarkan kenyataan di atas, jika kanun jenayah Syariah dilaksanakan bererti kita telah membuka ikatan, melepaskan kongkongan dan membuang belunggu dari kanun jenayah Syariah yang telah dipasang begitu lama sehingga berakar umbi oleh musuh-musuh Islam sebelum dari ini. Dalam masa yang sama kita memberikan nafas baru dan membuka pintu ijtihad di bidang undang-undang jenayah Islam. Dengan demikian barulah boleh dibuktikan keunggulan dan kewibawaannya.

Mengenai penggunaan ijtihad di dalam Rang Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 adalah jelas akan meluas kerana hukum Syarak telah dijadikan rujukan terakhir bererti tidak terikat dengan ketatnya kepada pendapat sesuatu mazhab. Di sini terdapat ruang berijtihad dan memilih pendapat ulama yang lebih sesuai pada tempat masyarakat dan keadaan semasa.

Di dalam tafsiran Seksyen 2(1) dijelaskan:

"Diyat" maknanya suatu jumlah wang atau harta yang dikenakan bayarannya sebagai pampasan kerana kematian atau kehilangan akal atau kecederaan anggota yang sempurna atau kecederaan anggota yang berpasangan atau kehilangan fungsi anggota-anggota tersebut yang telah dilakukan ke atas seorang mangsa jenayah. Jumlah satu diyat ialah bersamaan dengan harga emas semasa seberat 4,450 gram atau suatu jumlah yang akan ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dari semasa ke semasa mengikut hukum Syarak.

"Nisab" maknanya suatu jumlah wang yang bersamaan dengan harga emas semasa seberat 4,45 gram atau suatu jumlah wang yang akan ditetapkan oleh Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dari semasa ke semasa mengikut hukum syarak.

Kedua-dua tafsiran diyat dan nisab ini menunjukkan kepada kita ruang terbuka untuk berjihad di dalam menentukan kadar diyat dan nisab dari semasa ke semasa.

Di dalam Seksyen 3 (c) dijelaskan bahawa kesalahan-kesalahan selain dari hudud dan qisas diserahkan kepada budi bicara badan perundangan atau mengikut Enakmen ini hukuman nya diserahkan kepada budi bicara mahkamah. Kesalahan tersebut dinamakan kesalahan ta'zir dan hukumannya pula dinamakan hukuman ta'zir. Di sini juga ada ruang untuk berjihad menentukan di dalam mengendalikan kes-kes ta'zir seperti yang dimaklumi ta'zir adalah luas.

Dari kenyataan di atas adalah jelas yang kanun jenayah Syariah jika dilaksanakan dan dikuatkuasakan akan menjadi cabaran kepada alim ulama untuk berjihad di bidang ini. Pada masa itu kanun jenayah Syariah akan menjadi undang-undang yang hidup dan berkembang sesuai dengan tuntutan zaman dan demikian juga dengan undang-undang keterangan dan acara jenayah Islam.

### **Kesalahan Hudud**

Seksyen 4 Rang Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 telah menyenaraikan kesalahan-kesalahan hudud seperti berikut:

- a) *sariqah* (mencuri)
- b) *hirabah* (merompak)
- c) zina (melakukan persetubuhan haram)
- d) *qazaf* (membuat tuduhan bahawa seseorang itu melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi)
- e) *syurb* (meminum arak atau minuman yang mamabukkan) dan
- f) *irtidad* atau riddah (keluar daripada agama Islam)

Jika diperhatikan ternyata jenayah *sariqah*, *hirabah*, zina, *qazaf* dan *syurb* adalah disepakati oleh ulama sebagai kesalahan hudud.

Mengenai kesalahan *riddah* atau *irtidad*, menurut jumhur ulama ianya adalah kesalahan hudud. Walaupun demikian, ada juga ulama yang tidak menganggapnya sebagai kesalahan hudud seperti Imam Ibn Taimiyyah seperti yang dinukil oleh Ibn Qayyim al-Jauziyah di dalam *Zad al-Ma'ad*.<sup>1</sup> Ternyata Kanun Jenayah Syariah II 1993 telah menerima pendapat jumhur. Prof. Dr. Ala Eddin Kharofa, pensyarah UIA Malaysia telah membincangkan perkara murtad ini dengan panjang lebar di dalam bukunya *Hukum Islam Terhadap Jenayah Salman Rushdie* (buku ini diterbitkan dalam tiga bahasa: Arab (teks asal), Inggeris dan Melayu (terjemahan). Satu masalah lagi yang timbul dari Seksyen 23(1), (2), (3) dan (4) ini iaitu apakah akan terjadi jika orang murtad tadi tidak bertaubat selepas tiga hari hukuman bunuh diisytiharkan ke atasnya. Adakah ianya akan terus dibunuh, apakah kedudukan hartanya yang dirampas dan apakah acara yang digunakan apabila menjalankan hukuman tersebut? Persoalan-persoalan ini tidak dijawab oleh kanun ini. Di dalam keadaan dunia hari ini dan di dalam konteks Malaysia, murtad sebagai kesalahan hudud mungkin perlu dilihat lagi tetapi kita janganlah membiarkan agama Islam dipermain-mainkan dan ini tidak

bermakna hukuman ta'zir tidak boleh dikenakan. Tentulah kita tidak ingin melihat orang-orang menghina Islam, menukar agama mereka dengan sewenang-wenangnya seperti menukar baju atau makanan. Wajib bagi kita menjaga dan mempertahankan maruah dan kesucian Islam. Sebenarnya hujah jumhur ulama di dalam meletakkan murtad sebagai kesalahan hudud adalah kuat dan tidak wajar dipandang ringan. Kajian mendalam di dalam hal ini perlu dilakukan lagi.

Kanun Jenayah ini juga di dalam Seksyen 16, 17 dan 18 telah membuat peruntukan mengenai ta'rif liwat, hukum liwat dan pembuktian kesalahan liwat. Walaupun di dalam Seksyen 4 kanun jenayah ini, liwat tidak termasuk di dalam kesalahan hudud namun di dalam Seksyen 16, 17 dan 18 ianya dianggap seperti kesalahan zina.

Seksyen 16 berbunyi:

Liwat ialah suatu kesalahan yang merupakan persetujuan di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan selain daripada isterinya yang dilakukan di luar tabii iaitu melalui dubur.

Seksyen 17 berbunyi:

Sesiapa melakukan kesalahan liwat hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang ditetapkan bagi zina.

Seksyen 18 berbunyi:

Kesalahan liwat hendaklah dibuktikan dengan cara yang sama dengan cara yang dikehendaki untuk membuktikan zina.

Sebenarnya ulama berbeza pendapat sama ada liwat kesalahan hudud atau tidak. Imam Malik, Imam Syafi'i, Ahmad dan lain-lain menganggapnya kesalahan hudud seperti zina tetapi hanyalah dikenakan ta'zir.<sup>2</sup>

Ternyata kanun jenayah ini telah memilih pendapat pertama tetapi saya lebih cenderung kepada pendapat Hanafi kerana terdapatnya perbezaan pendapat sama ada ianya kesalahan hudud atau ta'zir sedangkan sebaiknya kesalahan hudud biarlah yang disepakati oleh ulama untuk kita terima dan laksana di dalam kes liwat ini kerana hukumannya boleh direjam hingga mati jika yang melakukan liwat tersebut seorang *muhsan* dan berjaya disabitkan. Tetapi ini tidaklah bermakna yang kita menghalalkan liwat. Kesalahan ini bolehlah dihukum dengan berat juga tetapi berdasarkan hukuman ta'zir dan bukan hudud.

Di dalam kanun ini terdapat bahagian mengenai kesalahan menyebabkan kematian dan kecederaan tubuh badan maka boleh dikenakan qisas, diyat. Umumnya, Bahagian II kanun ini membuat peruntukan mengenai:

Qisas dan diyat, jenis-jenis kesalahan menyebabkan kematian, *qatl-al-amd*, hukuman *qatl-al-amd*. Hukuman *qatl-syibhi-al-amd*, *qatl-al-khata'*, hukuman *qatl-al-khata'*, menyebabkan kecederaan badan, hukuman kerana menyebabkan kecederaan badan, jenis-jenis kecederaan badan, bilakah hukuman qisas boleh dikenakan dan akibat apabila hukuman qisas tidak dikenakan.

Kanun ini dari Seksyen 24 hingga 38 telah membuat peruntukan yang menyeluruh mengenai kesalahan menyebabkan kematian dan kecederaan dan hukuman-hukumannya iaitu qisas, diyat, irsy dan ta'zir dengan cara yang teliti dan

baik. Sebenarnya undang-undang Islam di bidang ini jelas bukan hanya bertujuan menghukum yang bersalah tetapi juga memberi pembelaan dan ganti rugi kepada mangsa atau keluarganya.

### Ta'zir

Di samping hudud dan qisas, kanun ini juga telah membuat beberapa peruntukan mengenai kesalahan ta'zir dan hukumannya sebagai contoh:

Seksyen 3(c) menjelaskan:

Kesalahan-kesalahan yang lain daripada kesalahan-kesalahan hudud dan kesalahan-kesalahan qisas tetapi hukumannya diserahkan kepada budi bicara badan perundangan atau mengikut Enakmen ini hukumannya diserahkan kepada budi bicara mahkamah. Kesalahan-kesalahan itu dinamakan kesalahan-kesalahan ta'zir dan hukumannya dinamakan hukuman ta'zir.

Dengan syarat bahawa apabila sesuatu kesalahan hudud atau qisas tidak dihukum dengan hukuman hudud atau hukuman qisas kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman-hukuman itu maka kesalahan itu adalah menjadi suatu kesalahan ta'zir dan hendaklah dihukum demikian.

Peruntukan ini dengan jelas menyatakan bahawa ta'zir dikenakan pada kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dikenakan hukuman hudud atau qisas.

Untuk lebih jelas, ada baiknya kita melihat beberapa peruntukan mengenai hukuman ta'zir di dalam kanun ini seper ti:

1. *Musahahah* jika disabitkan hukumannya adalah ta'zir. (Seksyen 19(1) (2))
2. *Ittayan al-Maitah* iaitu kesalahan melakukan persetubuhan dengan mayat jika disabitkan dikenakan ta'zir. (Seksyen 20)
3. *Ityan al-Bahima* iaitu suatu kesalahan kerana melakukan persetubuhan dengan binatang jika disabitkan dikenakan ta'zir. (Seksyen 21)
4. Apabila hukuman bunuh sebagai hukuman qisas tidak boleh dikenakan maka pesalah itu bolehlah dikenakan hukuman ta'zir. (Seksyen 29)
5. Sesiapa melakukan *qatl syibhi al amd* hendaklah membayar diyat kepada wali mangsanya dan sebagai tambahan bolehlah dikenakan hukuman ta'zir. (Seksyen 31)
6. Sesiapa melakukan *qatl al khata'* hendaklah membayar diyat kepada wali mangsa kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman ta'zir. (Seksyen 33)
7. Hukuman kerana menyebabkan kecederaan badan dan tidak dapat dikenakan atau tidak dapat dilaksanakan qisas maka bolehlah dikenakan hukuman ta'zir. (Seksyen 35 dan 38)
8. Ta'zir sebagai ganti hukuman hudud apabila keterangan tidak memenuhi syarat-syarat untuk membuktikan kesalahan hudud. (Seksyen 47)

Demikian beberapa peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman ta'zir yang terdapat di dalam kanun jenayah ini. Seperti yang dimaklumi kesalahan-kesalahan ta'zir dan hukumannya adalah luas yang mencakupi semua bidang kesalahan jenayah kecuali kesalahan-kesalahan hudud, qisas dan diyat, ta'zir akan terserlah

keistimewaannya jika hakim yang dilantik seorang yang bijak dan mampu berijtihad. Ta'zir akan membuka pintu ijtihad dengan luasnya.

### Tafsiran

Kanun jenayah ini telah menjelaskan beberapa istilah penting di Bahagian Permulaan di dalam Seksyen 2(1). Di antara lain, perkataan-perkataan arak, diyat, hakim, *irsy*, jumaah ulama, mahkamah, penjara, *muhsan*, mukallaf, nisab, qisas, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan wali telah dijelaskan dan ditafsirkan. Yang menarik perhatian saya ialah

“Mukallaf” maknanya seseorang yang sudah mencapai umur 18 tahun dan sempurna akal. (Seksyen 2(1))

Tentulah istilah mukallaf di atas adalah bagi maksud kanun ini. Istilah yang biasa kita dengar mukallaf ialah akil dan baligh, tetapi di dalam kanun ini ianya mencapai umur 18 tahun dan sempurna akal. Sebenarnya tafsiran ini juga ditegaskan dan diterima oleh Ali Ali Mansur. Menurut beliau, tafsiran ini di dalam perkara-perkara jenayah berdasarkan pendapat masyhur Mazhab Maliki dan pendapat Imam Abu Hanifah, 18 tahun yang dimaksudkan itu ialah 18 tahun qamariah.<sup>3</sup>

### Keterangan

Kanun ini juga telah membuat beberapa peruntukan mengenai undang-undang keterangan di dalam Bahagian III dari Seksyen 39 hingga Seksyen 47.

Di dalam Seksyen 39 dijelaskan:

(1) Kecuali jika ada percanggahan dengan peruntukan yang ada dalam Enakmen ini, maka Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991 hendaklah dipakai untuk membuktikan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Semua kesalahan di bawah Enakmen ini sama ada kesalahan hudud atau kesalahan qisas atau kesalahan ta'zir hendaklah dibuktikan dengan keterangan lisan atau iqrar yang dibuat oleh tertuduh.

Jika diperhatikan dengan teliti ternyata undang-undang keterangan Islam yang boleh digunakan untuk mensabitkan kesalahan-kesalahan hudud, qisas dan ta'zir di bawah kanun ini terlalu sempit hanya melalui keterangan lisan atau iqrar yang dibuat oleh tertuduh. Ini bermakna *bayyinah* di mana termasuk di dalamnya *qarinah* tidak boleh digunakan. *Kitabah* atau dokumen tidak boleh digunakan dan *syawahid hal* tidak boleh digunakan. Saya percaya penyempitan prinsip undang-undang keterangan yang diterima oleh kanun ini tidak akan dapat membantu menegakkan keadilan seperti yang dikehendaki oleh Islam. Sedangkan Ibn Qayyim telah menerima lebih dari dua puluh enam prinsip undang-undang keterangan Islam.

Peruntukan di atas juga telah menolak prinsip-prinsip keterangan *kitabah*, *isyarah*, *qarinah* dan konsep *bayyinah* yang telah diterima oleh Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991 Kelantan. Ini merupakan satu percanggahan yang jelas dan sikap berundur ke belakang.

Di dalam Seksyen 45 dijelaskan:

- (1) Kecuali sesuatu iqrar itu boleh ditarik balik oleh tertuduh yang membuatnya pada bila-bila masa sahaja; meskipun pada ketika dia sedang menjalani hukuman.
- (2) Jika sesuatu iqrar itu ditarik balik sebelum dilaksanakan hukuman ke atasnya maka tertuduh itu tidaklah lagi boleh dikenakan hukuman itu dan jika dia menarik balik iqrar itu pada ketika dia sedang menjalani hukuman, maka hukuman itu hendaklah dengan serta merta diberhentikan.
- (3) Jika pada bila-bila masa sebelum atau pada ketika hukuman dilaksanakan, tertuduh itu dapat melarikan diri daripada pihak yang berkuasa, maka dia hendaklah dianggap sebagai telah menarik balik iqrar itu; dan yang demikian peruntukan subseksyen (2) hendaklah terpakai.

Di dalam Seksyen 46(1) menjelaskan *qarinah* tidak boleh dijadikan satu cara yang sah untuk membuktikan kesalahan hudud kecuali di dalam kehamilan atau kelahiran anak yang tidak mempunyai suami. Ini bermakna di dalam kes zina di mana perempuan itu hamil, *qarinah* boleh digunakan untuk mensabitkan hudud zina. (Seksyen 46(2) dan bau atau muntah arak atau sebarang minuman yang memabukkan atau apa-apa kesan darinya sebagai *qarinah* untuk mensabitkan hudud *syurb*. (Seksyen 46(3))

Persoalan yang timbul ialah kenapa di dalam kes zina dan *syurb* atau minum arak, *qarinah* boleh diterima dan tidak di dalam kes-kes hudud yang lain yang jelas tidak kurang bahayanya kepada masyarakat dan ummah dari zina dan minum arak atau *syurb* seperti *sariqah*, *hirabah* dan *qazaf*.

Seperti yang dimaklumi, cara pembuktian kes zina ini menurut jumhur ulama termasuk Mazhab Hanafi dan Syafi'i hanya menerima mensabitkannya melalui iqrar dan *syahadah*. Jika berdasarkan pendapat ini tentulah kita nampaknya akan lebih bersikap adil kepada perempuan kerana yang melakukan zina lelaki dan perempuan. Cara pembuktiannya terhadap lelaki dan perempuan adalah sama dan tidak timbul tohmahan yang mengatakan Islam berlaku tidak adil kepada wanita, tambahan pula kedua-dua pihak sama-sama melakukan zina maka wajarlah hukumannya sama dan cara pembuktiannya juga sama. Tidakkah timbul kepada lelaki pensabitannya melalui iqrar dan *syahadah* dan kepada perempuan melalui iqrar, *syahadah* dan *qarinah*.

Oleh kerana kanun ini menolak *qarinah* dan *kitabah* di dalam kesalahan-kesalahan yang lain seperti *qazaf*, *sariqah* dan *hirabah*, apakah jawapan Islam jika seseorang menuduh seorang lain melakukan zina melalui tulisan seperti di akhbar atau di dalam bukunya. Tidakkah ia boleh disabitkan melakukan *qazaf* melalui *qarinah* dan *kitabah*? Jika tidak tentu sahaja orang akan merasa hairan dan undang-undang keterangan Islam tidak akan berjaya membantu menegakkan keadilan.

Jika seseorang itu memiliki harta curi dan ada tanda-tanda yang ianya mencuri berdasarkan beberapa *qarinah* seperti dia telah berada di tempat barang itu dicuri, dia memiliki barang curi tersebut, dia pernah berpakat untuk mencuri dengan beberapa orang yang memang terkenal sebagai pencuri dan seterusnya banyak *qarinah* lain



yang jelas menunjukkan dia mencuri yang boleh dibuktikan oleh penguatkuasa seperti polis. Adakah logik untuk kita tolak semua *qarinah* ini dan pencuri tersebut terlepas dari hukuman hudud kerana semata-mata pencuri tidak mengaku melakukannya atau beriqrar dan tidak ada saksi yang layak memberikan *syahadah*.

Persoalan yang sama juga boleh ditimbulkan di dalam kes *hirabah*. Katakanlah ianya dilakukan di tempat awam seperti di pasar disaksikan oleh orang-orang perempuan, fasiq, kanak-kanak belum baligh dan orang kafir dan disokong oleh *qarinah* yang jelas dan kuat. Adakah semua keterangan orang-orang yang menyaksikannya tadi ditolak begitu sahaja dan *qarinah* tadi tidak diambil kira semata-mata berpegang kepada syarat saksi iaitu orang lelaki, Islam yang akil baligh dan hendaklah seorang yang adil (lihat Seksyen: 41). Tambahan pula orang yang melakukan *hirabah* tadi tidak mahu mengaku salah atau beriqrar.

Kekeliruan mengenai keterangan Islam ini tentu akan dapat diatasi jika kita berpegang kepada prinsip yang membezakan di antara *bayyinah* dengan *syahadah* dan melihat kepada prinsip-prinsip lain yang diterima oleh Syarak dan tidak terikat dengan ketatnya kepada sesuatu mazhab.

Kanun ini juga telah tidak membuat peruntukan mengenai "qasamah". Seperti yang dijelaskan oleh Ibn Qayyim, *al-qasamah* tidak lain dan tidak bukan adalah berdasarkan *qarinah*. *Al-Qasamah* adalah diterima di dalam Islam.<sup>4</sup>

Saya berpendapat, undang-undang keterangan Islam yang dipakai oleh kanun ini adalah sempit dan adakalanya menimbulkan masalah seperti peruntukan Seksyen 46(1) (2) dan (3) dan Seksyen 39(1) dan (2).

### **Bagaimana Hukuman Dilakukan**

Di dalam Bahagian IV iaitu bagaimana hukuman dilaksana dari Seksyen 48 hingga 55 merupakan bahagian yang penting. Peruntukan-peruntutannya dibuat berdasarkan hukum Syarak dan dengan teliti.

### **Peruntukan Umum**

Di dalam Bahagian V, diadakan peruntukan umum dari Seksyen 56 hingga 62. Bahagian ini adalah baik dan penting. Ianya digubal dengan cermat.

### **Mahkamah**

Di dalam Bahagian VI, mengenai hal-hal yang berhubung dengan mahkamah dan hakim-hakim dari Seksyen 63 hingga 72. Bahagian ini juga penting dan tidak ketinggalan dalam menyatakan taraf, gaji, elaun dan keistimewaan hakim-hakim. Saranan bahagian ini wajar difikirkan dan diterima.

### **Kesimpulan**

Adalah jelas bahawa kanun ini adalah berdasarkan hukum Syarak. Walaupun demikian saya berpendapat, untuk lebih sesuai dengan keadaan masyarakat, suasana dan tempat serta alam sekeliling, beberapa peruntukannya perlu dikaji semula terutama persoalan *riddah* dan undang-undang keterangan yang digunakan.

#### NOTA KAKI

1. Mesir, *Maktabah Al-Halabi*, 1379H., Jld. 3, ms. 78.
2. Ahmad Fathi Bahnasi, *al-Hudud Fi al-Islam*, Maktabah Ammar, Mesir, 1969, hal. 108-109.
3. Ali Ali Mansur, *Nidzam al-Tajrim Fi al-Islam*, Muassah al-Zahra', Madinah, Saudi Arabia, Jld. 1, hal. 109, th. 1976.
4. Ibn Qayyim, *al-Turuq al-Hukmiyyah*, Matbaah al-Madani, Mesir, hal. 9.